PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan yang lebih tinggi disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh dan perdagangan yang bertambah baik

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 6.2% pada suku pertama 2014 (S4 2013: 5.1%). Pertumbuhan didorong oleh permintaan dalam negeri yang meningkat lebih kukuh dan eksport bersih yang pulih kembali. Aktiviti sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan pada suku pertama, dengan pertumbuhan yang kukuh secara berterusan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan. Eksport barangan dan perkhidmatan benar meningkat pada kadar yang lebih cepat, manakala import barangan dan perkhidmatan benar mampan, lantas menghasilkan pertumbuhan eksport bersih yang positif. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara mencatat pertumbuhan sebanyak 0.8% (S4 2013: 1.9%).

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	7.5	6.7	7.4	7.4
Penggunaan	5.3	6.8	7.0	7.8
Sektor swasta	*6.4*	*7.4*	*7.2*	*7.1*
Sektor awam	*0.6*	*5.2*	*6.3*	*11.2*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	13.0	6.5	8.5	6.3
Sektor swasta	*10.0*	*16.6*	*13.1*	*14.1*
Sektor awam	*18.4*	*-1.4*	*2.2*	*-6.4*
Eksport Bersih	-12.9	-6.8	-12.6	-14.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*-3.4*	*5.7*	*0.6*	*7.9*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*-2.2*	*7.1*	*2.0*	*7.1*
KDNK	**4.2**	**5.1**	**4.7**	**6.2**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-0.3**	**1.9**	**t.d.**	**0.8**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset lain termasuk eksplorasi mineral, penyelidikan & pembangunan, dan lain-lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri mencatat pertumbuhan lebih kukuh

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 7.4% pada suku pertama 2014 (S4 2013: 6.7%). Penggunaan dan pelaburan swasta terus mengekalkan prestasi yang kukuh, dengan pelaburan swasta mencatat pertumbuhan dua angka. Perbelanjaan sektor awam mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh apabila perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi mengimbangi penurunan dalam pelaburan awam.

Pertumbuhan **penggunaan swasta** kekal kukuh pada 7.1% (S4 2013: 7.4%) pada suku pertama 2014, disokong oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan. Pertumbuhan **penggunaan awam** meningkat kepada 11.2% (S4 2013: 5.2%), mencerminkan perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 6.3% (S4 2013: 6.5%), didorong oleh perbelanjaan modal sektor swasta yang kukuh dalam keadaan pertumbuhan pelaburan awam yang menurun. Pertumbuhan pelaburan swasta kekal kukuh pada 14.1% (S4 2013: 16.6%), disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pelaburan awam menurun sebanyak 6.4% (S4 2013: -1.4%) mencerminkan penguncupan dalam perbelanjaan modal oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam.
Dari segi jenis aset, aktiviti pelaburan didorong terutamanya oleh perbelanjaan terhadap struktur

yang utuh (14.7%; S4 2013: 9.6%), yang lebih daripada mengimbangi penurunan dalam pelaburan untuk jentera dan kelengkapan. (-1.8%; S4 2013: +2.7%).

Sektor ekonomi utama terus berdaya tahan

Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama. Sektor perkhidmatan terus berkembang, didorong oleh subsektor kewangan dan insurans yang bertambah baik, serta pertumbuhan yang mampan dalam perkhidmatan berkaitan penggunaan dan pengeluaran. Pertumbuhan dalam sektor perkilangan didorong oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang kukuh. Sektor pembinaan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh didorong terutamanya oleh subsektor kediaman. Sementara itu, sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong oleh pengeluaran tanaman makanan, manakala sektor perlombongan merosot pada kadar yang lebih perlahan disebabkan oleh penguncupan yang lebih kecil dalam pengeluaran minyak mentah .

Sektor perkhidmatan terus berkembang pada suku pertama 2014 (6.6%; S4 2013: 6.4%), disokong oleh subsektor kewangan dan insurans yang bertambah baik dan prestasi yang menggalakkan dalam perkhidmatan berkaitan penggunaan dan pengeluaran. Pertumbuhan subsektor kewangan dan insurans bertambah baik (2.4%; S4 2013: 0.5%), disebabkan terutamanya oleh segmen insurans yang pulih kembali. Subsektor perdagangan borong dan runcit mencatat prestasi yang mampan (8.6%; S4 2013: 8.4%), disokong oleh perbelanjaan isi rumah yang berterusan pada suku pertama. Dalam subsektor komunikasi, pertumbuhan kekal mantap (10.1%; S4 2013: 10.3%), disokong oleh permintaan terhadap perkhidmatan komunikasi data yang berterusan.

Sektor perkilangan berkembang sebanyak 6.8% pada suku pertama 2014 (S4 2013: 5.2%), disokong

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2013 (%)	2013			2014
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	7.1	6.2	0.2	2.1	2.3
Perlombongan	8.1	-1.5	-1.2	0.7	-0.8
Perkilangan	24.5	0.4	5.2	3.5	6.8
Pembinaan	3.8	14.2	9.8	10.9	18.9
Perkhidmatan	55.2	6.1	6.4	5.9	6.6
KDNK Benar	**100.0[1]**	**4.2**	**5.1**	**4.7**	**6.2**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**-0.3**	**1.9**	**-**	**0.8**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2013 (%)	2013			2014
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**40.8**	**6.4**	**4.9**	**5.1**	**5.7**
Kewangan & insurans	16.6	6.3	0.5	1.8	2.4
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.3	6.5	8.3	7.5	8.6
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	3.8	5.4	4.6	4.8
Komunikasi	7.4	9.0	10.3	10.0	10.1
Perkhidmatan Akhir	**59.2**	**5.9**	**7.5**	**6.4**	**7.1**
Perdagangan borong & runcit	26.1	5.7	8.4	6.4	8.6
Penginapan & restoran	4.5	6.4	5.8	5.7	6.0
Utiliti	4.5	3.9	4.4	4.1	3.2
Perkhidmatan Kerajaan	15.0	7.1	8.6	8.3	7.7
Perkhidmatan lain	9.1	5.2	5.1	5.1	4.8
Jumlah Perkhidmatan	**100.0[1]**	**6.1**	**6.4**	**5.9**	**6.6**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	Indeks			
Indeks Sentimen Pengguna MIER	122.9	82.4	104.3	96.8
Indeks Perdagangan Runcit MIER	101.0	81.7	98.9	86.3
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	115.5	140.3	126.8	115.8
	Perubahan tahunan (%)			
Ketibaan pelancong	15.9	1.2	2.7	-
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	9.1	24.1	19.0	18.9
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	7.7	6.2	6.2	4.8
Jumlah pinjaman terkumpul	10.6	10.6	10.6	10.2
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	14.2	11.1	11.1	5.6
Import barangan penggunaan	3.0	9.3	8.7	15.6
Jumlah jualan kenderaan bermotor	13.9	-0.9	4.5	1.4
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	-0.4	2.7	1.5	3.7

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2013 (%)	2013			2014
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan Tahunan (%)			
Nilai Ditambah (RM juta pada harga malar tahun 2005)		**0.4**	**5.2**	**3.5**	**6.8**
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**-0.2**	**4.9**	**4.2**	**7.0**
Industri berorientasikan eksport	**74.8**	**-1.3**	**3.8**	**3.3**	**6.9**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**24.2**	**2.8**	**16.9**	**10.0**	**15.5**
Antaranya:					
Elektronik	15.3	10.2	25.4	18.6	19.8
Keluaran elektrik	8.9	-9.2	1.2	-5.1	7.1
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**50.7**	**-3.0**	**-1.8**	**0.3**	**2.9**
Antaranya:					
Kimia dan keluaran kimia	14.3	-3.9	-1.1	-0.7	1.4
Keluaran petroleum	21.0	-8.5	-4.0	0.2	6.5
Keluaran getah	2.5	13.8	6.8	8.2	-0.8
Pemprosesan di luar estet	4.5	10.9	-1.5	1.7	0.7
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**25.2**	**2.9**	**8.0**	**6.8**	**7.2**
Kelompok berkaitan pembinaan	**11.3**	**5.0**	**3.5**	**4.9**	**2.9**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	8.2	1.7	2.2	1.3	1.1
Keluaran logam yang direka	3.1	11.6	5.8	12.2	6.3
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**13.8**	**1.2**	**11.6**	**8.5**	**10.8**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	5.5	-1.6	23.4	13.8	17.1
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.3	4.7	1.1	4.9	5.3

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

5.2%), disokong oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih kukuh dan industri berorientasikan dalam negeri yang terus meningkat. Industri berorientasikan eksport berkembang sebanyak 6.9% (S4 2013: 3.8%), seiring dengan prestasi perdagangan luaran yang lebih baik pada suku pertama.

Pertumbuhan didorong terutamanya oleh kelompok elektrik dan elektronik (E&E), terutamanya separa konduktor. Industri berorientasikan pasaran dalam negeri berkembang sebanyak 7.2% (S4 2013: 8%), disokong oleh kelompok berkaitan pengguna, terutamanya kelengkapan pengangkutan.

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor perkilangan kekal pada 78% (S4 2013: 80%). Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 79% dan 75% daripada jumlah kapasiti (S4 2013: masing-masing 82% dan 73%).

Sektor **pembinaan** berkembang pesat pada suku pertama (18.9%; S4 2013: 9.8%), didorong terutamanya oleh subsektor kediaman. Prestasi pertumbuhan yang lebih kukuh dalam subsektor bukan kediaman dan kejuruteraan awam memberikan sokongan selanjutnya kepada sektor tersebut. Pertumbuhan yang kukuh dalam subsektor kediaman disokong oleh pembinaan projek harta tanah bertingkat tinggi, terutamanya di Lembah Kelang, Pulau Pinang dan Johor. Pertumbuhan dalam subsektor bukan kediaman disokong oleh pembinaan projek komersial dan perindustrian. Sementara itu, pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam mencerminkan kemajuan berterusan untuk projek landasan kereta api, utiliti, dan jalan raya, seperti projek Aliran Transit Laju MY (MRT) di Lembah Klang, penyambungan Aliran Transit Ringan (LRT), loji jana kuasa Tanjung Bin dan Janamanjung serta pelebaran Lebuh Raya Utara-Selatan.

Nilai ditambah **sektor pertanian** meningkat sebanyak 2.3% (S4 2013: 0.2%), disebabkan oleh pengeluaran tanaman makanan yang lebih tinggi. **Sektor perlombongan** merosot dengan lebih perlahan (-0.8%, S4 2013: -1.2%) disebabkan oleh penguncupan lebih kecil dalam pengeluaran minyak mentah.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai kerja pembinaan	16.3	11.3	12.7	21.1
Kediaman	10.8	18.3	19.6	33.1
Bukan kediaman	-1.4	18.1	6.6	19.9
Kejuruteraan awam[1]	40.6	2.8	13.3	14.5
Kelulusan perumahan	-19.4	-31.2	-24.5	-47.6
Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan	5.0	3.5	4.9	2.9
Pembuatan Simen hidraulik	3.1	6.2	4.2	1.3
Bahan lain daripada Artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l	-2.2	25.5	5.3	37.0
Pembuatan Produk porselin dan seramik lain	-9.4	3.1	-5.6	15.2
Pembuatan Komponen berstruktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan	1.7	6.5	1.7	2.6
Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar)	7.3	-2.2	-0.8	-3.3
Pinjaman untuk sektor pembinaan				
Kelulusan	-28.9	0.6	-10.5	-32.8
Pengeluaran	23.5	17.9	14.4	20.1

[1] Termasuk kerja-kerja pertukangan khas seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)
t.t.t.l: Tidak tercatat di tempat lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2013 (%)	2013			2013
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**7.7**	**6.2**	**0.2**	**2.1**	**2.3**
Tanaman Industri	**4.2**	**5.6**	**-2.9**	**-1.3**	**-1.0**
Antaranya:					
Kelapa Sawit	2.8	14.6	-1.2	2.6	1.6
Getah	0.7	-0.9	-14.4	-10.1	-12.1
Tanaman Makanan	**3.5**	**6.8**	**4.6**	**6.3**	**6.1**
Antaranya:					
Perikanan	1.1	7.7	-3.3	1.6	2.1
Ternakan	0.8	6.4	10.6	9.4	7.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	Bahagian 2013 (%)	2013			2014
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**8.8**	**-1.5**	**-1.2**	**0.7**	**-0.8**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-	-3.5	-8.3	-2.9	-2.4
Gas asli	-	0.3	3.2	4.4	0.3

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi pada kadar purata 3.4% pada suku pertama

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), berpurata 3.4% pada suku pertama 2014 (S4 2013: 3%). Peningkatan inflasi sebahagian besarnya disumbangkan oleh inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* dan *pengangkutan*. Pada suku pertama, peningkatan dalam sewa dan tarif elektrik telah menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain*. Dalam kategori *pengangkutan*, harga petrol RON97 telah dinaikkan sebanyak tiga kali pada suku pertama dengan jumlah kenaikan sebanyak 15 sen/liter. Sementara itu, inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* pada suku pertama stabil pada 4% (S4 2013: 4%). Inflasi yang lebih tinggi dalam subkategori *makanan di luar rumah* diimbangi oleh inflasi yang lebih rendah dalam subkategori *makanan di rumah.*

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar tahunan sebanyak 3% pada suku pertama (S4 2013: 2.2%). Dari segi komposisi, harga komponen berkaitan komoditi meningkat sebanyak 6.8% (S4 2013: 6.3%), manakala harga komponen bukan berkaitan komoditi meningkat sebanyak 0.9% (S4 2013: 0.1%). Sementara itu, harga bagi kedua-dua komponen tempatan dan komponen diimport masing-masing meningkat sebanyak 4.1% dan 0.4% (S4 2013: masing-masing 3.4% dan -0.5%).

Sumbangan kepada Inflasi Harga Pengguna



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar pengangguran pada 3.1%

Keadaan guna tenaga kekal stabil, dengan jumlah guna tenaga sebanyak 13.5 juta orang pada suku pertama 2014 (S4 2013: 13.7 juta orang). Kadar pengangguran kekal pada 3.1% pada suku pertama (S4 2013: 3.2%).

Jumlah pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia menurun kepada 2,437 orang (S4 2013: 2,584 orang), yang terutamanya berlaku dalam sektor perkilangan. Permintaan untuk pekerja menjadi sederhana seperti dicerminkan dalam bilangan jawatan kosong yang lebih rendah di Portal JobsMalaysia (353,030 jawatan; S4 2013: 366,203 jawatan). Agregat upah benar dalam sektor perkilangan meningkat lebih perlahan pada kadar 3.7% (S4 2013: 6.5%) akibat pertumbuhan upah yang lebih perlahan dalam industri berorientasikan dalam negeri.

Keadaan Pasaran Pekerja



Nota: Mulai tahun 2012, data kekosongan jawatan tidak boleh dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya ekoran pengelasan semula data

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Kedudukan luar negeri bertambah baik pada suku pertama

Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM19.8 bilion pada suku pertama, yang bersamaan dengan 7.9% daripada PNK (S4 2013: RM14.8 bilion atau 5.8% daripada PNK) disebabkan oleh lebihan perdagangan yang mampan dan defisit akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan yang lebih rendah.

Lebihan perdagangan berjumlah RM26.4 bilion pada suku pertama 2014 (S4 2013: RM27.5 bilion). Eksport kasar meningkat dengan lebih kukuh sebanyak 10.9% (S4 2013: 10.2%), mencerminkan

aktiviti ekonomi global yang terus berkembang manakala import kasar berkembang dengan lebih sederhana pada kadar 5.5% (S4 2013: 11.6%).

Eksport kasar mengembang secara menyeluruh. Prestasi eksport perkilangan yang kukuh disebabkan oleh produk elektronik dan elektrik (E&E) dan produk bukan E&E serta asas yang rendah sejak suku pertama 2013. Eksport E&E terus berkembang pada kadar dua angka, didorong permintaan yang kukuh terhadap separa konduktor, manakala eksport produk bukan E&E yang bertambah baik dicatat merentas produk berasaskan sumber dan produk bukan berasaskan sumber. Eksport komoditi terus berkembang, meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Ini disokong oleh harga minyak sawit dan LNG yang lebih tinggi. Dari segi destinasi, eksport ke RR China kekal kukuh manakala eksport ke ekonomi maju utama bertambah baik. Di rantau ini, eksport ke ekonomi ASEAN adalah lebih rendah, sejajar dengan aktiviti ekonomi yang lebih sederhana dalam ekonomi-ekonomi tersebut.

Import kasar mengembang dengan lebih sederhana pada suku pertama, disebabkan terutamanya oleh import modal yang merosot. Ini mencerminkan kesan asas akibat import kelengkapan pengangkutan yang tinggi pada suku pertama tahun lepas. Import barangan pengantara terus meningkat meskipun secara lebih sederhana, disokong oleh prestasi eksport perkilangan yang kukuh pada suku tersebut. Pertumbuhan dua angka bagi import produk untuk dieksport semula mencerminkan aktiviti penyimpanan yang terus berkembang di Johor selatan, yang sebahagian besarnya untuk menampung petroleum bertapis dan logam. Sementara itu, peningkatan import barangan pengguna yang lebih cepat adalah disebabkan oleh import barangan pengguna tahan lama dan tidak tahan lama yang lebih tinggi dan juga makanan dan minuman yang diproses.

Akaun perkhidmatan mencatat defisit lebih kecil sebanyak RM2.7 bilion pada suku pertama (S4 2013: -RM4.1 bilion). Defisit yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam penerimaan perjalanan bersih dan defisit akaun pengangkutan yang lebih kecil. Walaupun hasil penerimaan daripada perjalanan secara relatif tinggi sedikit berbanding dengan suku sebelumnya, peningkatan dalam penerimaan bersih didorong terutamanya oleh pembayaran perjalanan yang lebih rendah, memandangkan jumlah pemastautin Malaysia yang mengembara

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2013 (%)	2012		2013	
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**100.0**	**-2.6**	**10.2**	**2.4**	**10.9**
Perkilangan	67.1	-3.2	10.0	2.7	13.0
E&E	*32.9*	*-4.9*	*13.1*	*2.4*	*12.5*
Bukan E&E	*34.2*	*-1.5*	*7.0*	*3.0*	*13.3*
Berasaskan sumber	*14.9*	*-2.3*	*2.2*	*0.0*	*8.7*
Bukan berasaskan sumber	*19.3*	*-0.8*	*10.9*	*5.5*	*17.2*
Komoditi	32.2	*-1.8*	*12.0*	2.4	*7.1*
Mineral	*22.6*	6.2	22.8	*11.6*	9.2
Pertanian	*9.6*	*-17.0*	*-8.3*	*-14.4*	*2.0*
Import Kasar	**100.0**	**6.4**	**11.6**	**7.0**	**5.5**
Barangan pengantara	58.4	0.0	10.5	4.3	4.4
Barangan modal	15.2	13.8	1.5	2.8	-6.5
Barangan penggunaan	7.3	3.0	9.3	8.7	15.6
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	19.0	26.6	25.5	19.7	15.7
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**–**	**16.3**	**27.5**	**70.7**	**26.4**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Pembayaran[1]

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Akaun Semasa	**13.2**	**14.8**	**39.9**	**19.8**
(% daripada PNK)	*5.8*	*5.8*	*4.2*	*7.9*
Barangan	28.0	33.3	108.2	33.6
Perkhidmatan	-2.6	-4.1	-16.7	-2.7
Pendapatan primer	-8.0	-10.0	-34.1	-6.4
Pendapatan sekunder	-4.2	-4.4	-17.5	-4.6
Akaun Kewangan	**1.2**	**-9.7**	**-15.8**	**-37.6**
Pelaburan langsung	-2.8	-4.0	-5.5	-14.6
Aset	*-11.6*	*-6.5*	*-41.2*	*-20.4*
Liabiliti	*8.8*	*10.4*	*35.7*	*5.8*
Pelaburan portfolio	3.9	-0.8	-3.0	-13.4
Aset	*-5.3*	*-5.4*	*-32.1*	*-7.6*
Liabiliti	*9.2*	*4.6*	*29.1*	*-5.8*
Derivatif kewangan	0.2	0.4	-0.3	-1.5
Pelaburan lain	-0.2	-13.3	-7.1	-8.1
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-10.3	-7.8	-9.4	0.4
Imbangan Keseluruhan	**4.0**	**-2.7**	**14.6**	**-17.3**

[1] Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

ke luar negeri adalah lebih kecil berbanding semasa musim percutian pada suku sebelumnya. Sementara itu, defisit akaun pengangkutan yang lebih rendah adalah disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam pembayaran untuk perkhidmatan pengangkutan selaras dengan import kasar yang lebih sederhana pada suku tersebut.

Defisit baki pendapatan utama mengecil kepada RM6.4 bilion (S4 2013: -RM10 bilion), apabila pendapatan pelaburan terakru kepada pelabur langsung asing di Malaysia menyusut manakala pendapatan pelaburan terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri adalah mampan.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM37.6 bilion pada suku pertama 2014 (S4 2013: -RM9.7 bilion) disebabkan oleh aliran keluar pelaburan langsung keluar, pelaburan portfolio dan pelaburan lain yang besar.

Pelaburan langsung masuk (liabiliti pelaburan langsung) mencatat aliran masuk sebanyak RM5.8 bilion (S4 2013: +RM10.4 bilion) disokong oleh pemberian modal ekuiti yang berterusan dan pendapatan tertahan untuk pelaburan semula yang lebih rendah. Aliran masuk pelaburan langsung adalah terutamanya hasil daripada pelaburan syarikat dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan, termasuk pemerolehan harta tanah di wilayah Iskandar.

Pelaburan langsung keluar (aset pelaburan langsung) nyata tinggi pada suku pertama, mencatat aliran keluar sebanyak RM20.4 bilion (S4 2013: -RM6.5 bilion). Ini disebabkan oleh pemberian pinjaman antara syarikat dan modal ekuiti yang lebih tinggi kepada subsidiari syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negeri. Pelaburan adalah terutamanya oleh syarikat dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan.

Pelaburan portfolio juga mencatat aliran keluar bersih pada suku tersebut sebanyak RM13.4 bilion (S4 2013: -RM0.8 bilion), sebahagiannya mencerminkan beberapa kebalikan pelaburan portfolio bukan pemastautin. Pada awal suku tersebut, dengan bermulanya pengecilan program pembelian aset oleh Federal Reserve AS dan kebimbangan mengenai perkembangan khusus dalam ekonomi sedang pesat membangun dan ketegangan geopolitik telah mencetuskan aliran keluar pelaburan portfolio bukan pemastautin yang besar. Walau bagaimanapun, perkembangan ini sebahagiannya telah diimbangi oleh keyakinan pelabur yang bertambah baik berikutan komitmen lebih kukuh oleh Federal Reserve untuk mengekalkan dasar monetari akomodatif dan jangkaan pelaksanaan langkah dasar untuk menyokong aktiviti ekonomi di RR China menjelang akhir suku tersebut. Kedudukan aliran keluar bersih juga adalah hasil daripada pemerolehan aset portfolio di luar negeri yang lebih tinggi oleh pelabur institusi pemastautin pada suku pertama.

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2013 (%)	2013			2014
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Amerika Syarikat	**8.1**	**-2.9**	**-2.5**	**-4.5**	**4.2**
Kesatuan Eropah (EU)	**9.1**	**-6.4**	**14.7**	**5.0**	**18.5**
Jepun	**11.1**	**-9.5**	**4.9**	**-4.4**	**9.2**
Negara ASEAN terpilih[1]	**27.6**	**9.9**	**7.4**	**7.3**	**2.9**
Timur Laut Asia	**24.4**	**-5.3**	**23.5**	**5.6**	**20.2**
Republik Rakyat China	*13.5*	*-1.7*	*30.8*	*9.2*	*15.3*
Hong Kong SAR	*4.3*	*-9.0*	*30.1*	*3.9*	*35.0*
Korea	*3.6*	*-4.0*	*15.5*	*3.0*	*15.9*
China Taipei	*2.9*	*-16.7*	*-4.6*	*-3.7*	*28.1*
Asia Barat[2]	**3.4**	**-1.3**	**-1.2**	**0.3**	**-0.5**
India	**3.6**	**-3.0**	**-17.7**	**-12.2**	**10.2**
Jumlah eksport	**100.0**	**-2.6**	**10.2**	**2.4**	**10.9**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2]Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM8.1 bilion (S4 2013:- RM13.3 bilion), mencerminkan terutamanya penempatan deposit di luar negeri oleh sektor perbankan domestik.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat defisit sebanyak RM17.3 bilion pada suku pertama 2014 (S4 2013: -RM2.7 bilion), memandangkan aliran keluar akaun kewangan yang lebih besar telah lebih daripada mengimbangi lebihan akaun semasa yang lebih tinggi. Kesilapan dan ketinggalan (E&O) berjumlah RM0.4 bilion (0.1% daripada jumlah perdagangan) dan sebahagiannya mencerminkan penambahan nilai rizab antarabangsa disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing apabila ringgit menyusut nilai berbanding dengan beberapa mata wang utama tertentu pada suku tersebut.

Hutang luar negeri kekal terurus

Memandangkan terdapat kemajuan yang ketara dalam usaha memperdalam dan memperluas pasaran kewangan Malaysia, serta susulan penyertaan pelabur bukan pemastautin yang lebih aktif dalam sekuriti hutang domestik dalam denominasi ringgit dalam tahun-tahun kebelakangan ini, Malaysia telah mendefinisikan semula hutang luar negerinya selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Berikutan definisi semula ini, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin, kredit perdagangan yang diberikan oleh rakan-rakan perdagangan asing dan liabiliti hutang lain kini dimasukkan sebagai sebahagian daripada hutang luar negeri Malaysia (lihat Rencana 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri').

Hutang luar negeri Malaysia yang didefinisikan semula berjumlah sebanyak RM700.1 bilion, bersamaan dengan USD212.5 bilion atau 65.2% daripada KDNK pada akhir bulan Mac 2014 (akhir bulan Disember 2013: RM694.6 bilion atau USD209.2 bilion, bersamaan dengan 70.4% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi ini disebabkan terutamanya oleh peminjaman luar pesisir oleh sektor swasta dan pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin yang lebih tinggi, terutamanya pemegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia.

Peminjaman luar pesisir meningkat kepada RM327.9 bilion pada suku pertama (akhir bulan Disember 2013: RM324.1 bilion). Peminjaman luar pesisir jangka sederhana dan panjang yang lebih tinggi mencerminkan terutamanya peminjaman bersih oleh syarikat sektor swasta, yang mengimbangi pembayaran balik bersih oleh sektor awam. Sementara itu, peminjaman luar pesisir jangka pendek kekal stabil pada suku itu. Peningkatan dalam peminjaman luar pesisir pada suku tersebut telah sebahagiannya diimbangi oleh penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang serantau dan mata wang utama tertentu. Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan, Bank Negara Malaysia dan perbadanan, juga meningkat pada suku

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2013		2014
	akhir Mac	akhir Dis	akhir Mac
	RM bilion		
Pinjaman luar pesisir[1]	269.8	324.1	327.9
Jangka sederhana dan panjang	*168.7*	*196.0*	*199.2*
Sektor awam	87.1	98.9	97.9
Sektor swasta	81.6	97.1	101.3
Jangka pendek	*101.0*	*128.1*	*128.7*
Pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik	222.0	229.7	231.3
Jangka sederhana dan panjang	*150.1*	*151.1*	*156.3*
Jangka pendek	*71.9*	*78.6*	*75.0*
Deposit bukan pemastautin	54.8	77.3	77.5
Lain-lain[2]	63.1	63.5	63.3
Jangka sederhana dan panjang	*9.4*	*10.0*	*10.3*
Jangka pendek	*53.7*	*53.5*	*53.0*
Jumlah hutang luar negeri	**609.7**	**694.6**	**700.1**
Bersamaan USD bilion	*195.4*	*209.2*	*212.5*
Hutang luar negeri (Definisi terdahulu)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	27.3	32.8	30.5
Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%)	37.5	39.5	39.2
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali)	4.3	3.4	3.3
Hutang luar negeri (Definisi semula)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	61.8	70.4	65.2
Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%)	46.2	48.6	47.7
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali)	1.5	1.3	1.3

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terkandung terutamanya hutang mata wang asing diperoleh, dan nota and bon terbitan luar pesisir.
2 Terkandung kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
3 Bersamaan dengan pinjaman luar pesisir jangka pendek.
4 Pinjaman luar pesisir jangka pendek, pegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik jangka pendek, deposit bukan pemastautin dan hutang jangka pendek lain.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Definisi Semula Hutang Luar Negeri

Terdapat beberapa konvensyen yang diterima pakai bagi mengklasifikasikan hutang luar negeri sesebuah negara. Salah satu daripadanya ialah penekanan yang diberikan pada obligasi hutang dalam mata wang asing oleh pemastautin kepada bukan pemastautin. Ini merupakan amalan yang diterima pakai apabila sebahagian pbesar aliran hutang merentas sempadan adalah untuk pemastautin yang memperoleh pembiayaan dalam mata wang asing daripada pasaran kewangan yang lebih maju. Malah ini merupakan amalan yang diterima pakai oleh Malaysia, apabila hutang luar negeri hanya terdiri daripada hutang dalam denominasi mata wang asing, iaitu pinjaman yang diperoleh, serta bon dan nota yang diterbitkan di luar pesisir.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), dll (2013)[1] telah mencadangkan liputan hutang luar negeri yang lebih luas, yang mengambil kira sekuriti hutang dalam denominasi mata wang tempatan yang dipegang oleh bukan pemastautin dan aliran kewangan bukan pemastautin berkaitan hutang lain, seperti kredit perdagangan, mata wang dan deposit, serta pinjaman dan liabiliti lain (lihat Jadual 1). Di bawah definisi ini, hutang luar negeri akan mencakupi semua liabiliti yang memerlukan pembayaran pokok dan/atau faedah pada masa hadapan, dan hutang tersebut adalah daripada pemastautin kepada bukan pemastautin dalam sesebuah negara tanpa mengira denominasi mata wang bagi hutang itu.

Jadual 1: Komponen hutang luar negeri Malaysia yang terdahulu dan yang diberikan definisi semula

Hutang luar negeri megikut tempoh matang dan instrumen	Definisi terdahulu	Definisi semula
Jangka pendek		
Pinjaman antara bank (FX)⁺	✓	✓
Pinjaman antara syarikat (FX)⁺	✓	✓
Pinjaman lain* (FX)⁺	✓	✓
Kredit perdagangan		✓
Pemegangan instrumen pasaran wang domestik oleh bukan pemastautin		✓
Mata wang dan deposit		✓
Liabiliti lain**		✓
Jangka panjang		
Bon terbitan luar negara (FX)⁺	✓	✓
Pinjaman antara syarikat (FX)⁺	✓	✓
Pinjaman lain* (FX)⁺	✓	✓
Kredit perdagangan		✓
Pemegangan bon domestik oleh bukan pemastautin		✓
Liabiliti lain**		✓

* Termasuk pinjaman syarikat tidak berkaitan
** Liabiliti lain merujuk kepada peruntukan SDR oleh IMF, serta liabiliti kumpulan wang pencen dan syarikat insurans hayat kepada bukan permastautin
⁺ FX: Mata wang asing

[1] International Monetary Fund (IMF), Bank for International Settlements (BIS), Commonwealth Secretariat (Comsec), Eurostat, Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), Paris Club Secretariat, United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) and World Bank, 2013, External Debt Statistics: Guide for Compilers and Users, Washington.

Sepanjang sedekad yang lalu, pasaran kewangan Malaysia telah berkembang dengan pesat berikutan kemajuan dalam liberalisasi sektor kewangan. Hasilnya, pasaran bon Malaysia kini adalah yang terbesar di Asia Tenggara dan yang kedua terbesar di Asia, tidak termasuk Jepun, manakala penyertaan bukan pemastautin dalam pasaran kewangan domestik telah meningkat dengan ketara.

Rajah 1 : Definisi Semula Hutang Luar Negeri Malaysia



Sumber: Kementerian Kewangan, Malaysia and Bank Negara Malaysia

Dengan definisi semula ini, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM700.1 bilion (USD212.5 bilion atau 65.2% daripada KDNK) pada akhir bulan Mac 2014, berbanding dengan RM327.9 bilion atau 30.5% daripada KDNK di bawah definisi yang terdahulu. Hutang luar negeri berdasarkan definisi semula ini adalah lebih tinggi, sekali gus mencerminkan paras pegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin yang tinggi, yang mencakupi kira-kira dua pertiga daripada peningkatan hutang luar negeri berikutan definisi semula ini. Ini ialah hasil daripada kedalaman, keterbukaan dan daya tarikan yang lebih meluas pasaran kewangan Malaysia.

Jadual 2: Penunjuk Keberhutangan Luar Negeri Malaysia

	Nilai ambang piawaian antarabangsa	Hutang luar negeri Malaysia, akhir Mac 2014	
		Definisi terdahulu	Definisi semula
Rizab / Hutang luar negeri jangka pendek (kali)	1.0	3.3	1.3
Jumlah hutang luar negeri / KDNK (%)	60-90	30.5	65.2
Hutang luar negeri jangka pendek / Jumlah hutang luar negeri (%)	t.b.	39.2	47.7
Hutang luar negeri jangka pendek / Eksport barangan dan perkhidmatan (%)	Lebih kecil lebih baik	15.1	39.3

t.b.: Tidak berkenaan
Sumber: Reinhart. Carmen dan Kenneth Rogoff, "Growth in a Time of Debt", American Economic Review, Mei 2010; Guidotti-Greenspan rule dan Bank Negara Malaysia

Rajah 2: Pasaran bon tempatan Malaysia adalah kedua terbesar di Asia Timur, tidak termasuk Jepun



Sumber: ADB Asian Bonds Monitor, Mac 2014

Rajah 3: Kedudukan hutang luar negeri Malaysia berbanding dengan negara serantau lain



Sumber: World Bank Quarterly External Debt Statistics, Tabungan Kewangan Antarabangsa

Memandangkan obligasi sekuriti hutang ini adalah dalam denominasi ringgit, kemungkinan berlakunya ketidakpadanan mata wang dalam keberhutangan luar negeri Malaysia telah berkurang. Perhatian juga perlu diberikan bahawa hutang Kerajaan Persekutuan kekal tidak berubah. Definisi semula hutang luar negeri ini membolehkan Kerajaan menilai dengan lebih baik dedahannya kepada bukan pemastautin. Yang penting, walaupun paras hutang luar negeri yang diberikan definisi semula adalah lebih tinggi, penunjuk hutang luar negeri Malaysia kekal jauh melebihi tanda aras piawaian antarabangsa dari segi kehematan dan kekukuhan hutang luar negeri.

Secara asasnya, definisi semula hutang luar negeri ini menambah baik perangkaan hutang yang tersedia kepada umum. Tambahan pula, memandangkan pasaran kewangan Malaysia yang begitu mendalam dan pelbagai (Rajah 2), data yang disiarkan akan diperincikan lagi bagi menunjukkan kedudukan hutang luar negeri Malaysia, terutamanya penyertaan yang semakin meningkat oleh bukan pemastautin dalam pasaran. Perlu diperhatikan bahawa hutang luar negeri yang lebih tinggi pada masa ini berikutan pasaran modal domestik yang lebih mendalam dan semakin canggih ialah suatu kelaziman bagi negara yang sedang beralih kepada pasaran kewangan yang lebih maju, seperti di Hong Kong SAR dan Singapura (Rajah 3).

Keteguhan Kedudukan Luaran

Kedudukan luaran Malaysia terus teguh, disokong oleh asas-asas ekonomi negara yang kukuh:

- **Penyertaan peserta institusi domestik dalam pasaran modal Malaysia semakin meningkat:** Sekiranya berlaku penjualan oleh bukan pemastautin, peserta domestik, terutamanya pelabur institusi yang jauh lebih pelbagai, mempunyai keupayaan untuk membeli sekuriti dalam denominasi ringgit. Ini akan mengurangkan risiko gangguan pada pergerakan harga dalam pasaran kewangan. Malaysia kini mempunyai beberapa pelabur institusi yang besar, industri insurans yang lebih maju serta industri pengurusan dana dan kekayaan yang lebih besar yang akan membeli sekuriti hutang dalam denominasi ringgit ini.

- **Lebih berkeupayaan untuk menghadapi kejutan pasaran dan kewangan:** Dengan adanya sistem kewangan yang lebih maju dan pengantara kewangan yang lebih kukuh, Malaysia kini akan kurang terdedah kepada sebarang tekanan kewangan yang berpunca daripada turun naik aliran modal. Di samping itu, paras rizab yang mencukupi untuk membiayai hutang luar negeri jangka pendek (nisbah rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek sebanyak 1.3 kali, lebih tinggi daripada nisbah antarabangsa minimum 1:1), lebihan akaun semasa yang berterusan, bersama-sama dengan aset cair luar negeri yang banyak dalam sektor perbankan, juga akan menyediakan penampan tambahan terhadap sebarang kejutan luaran kepada ekonomi.

Kedudukan luaran Malaysia yang teguh terbukti susulan pengumuman Federal Reserve Amerika Syarikat tentang hasratnya untuk mengecilkan program pelonggaran kuantitatif pada bulan Mei 2013. Dalam keadaan turun naik yang ketara dalam pasaran kewangan global dan ketidakpastian berhubung dengan pengumuman itu, ekonomi sedang pesat membangun, termasuk Malaysia, mengalami aliran keluar modal yang besar. Walau bagaimanapun, sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan dan kestabilan kewangan kekal utuh tanpa gangguan kepada pengantaraan kewangan.

Oleh itu, definisi semula hutang luar negeri Malaysia, adalah tepat pada masanya, dalam usaha untuk menambah baik obligasi kewangan luar negeri Malaysia dengan cara yang telus, dan untuk mencerminkan tahap kemajuan pasaran kewangan Malaysia sejak sedekad yang lalu.

tersebut. Peningkatan pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin, yang terutamanya dalam sekuriti jangka sederhana dan panjang, mencerminkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia serta tarikan kadar hasil yang lebih tinggi bagi tempoh matang berkenaan. Penyertaan lebih tinggi oleh bukan pemastautin dalam pasaran bon Malaysia turut mencerminkan pasaran kewangan domestik yang lebih dalam, terbuka dan aktif.

Secara keseluruhan, lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai profil kematangan jangka panjang. Hutang luar negeri jangka pendek kekal terurus dan dapat ditampung oleh rizab sebanyak 1.3 kali.

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa BNM berjumlah RM424.6 bilion (bersamaan dengan USD130.2 bilion) pada 31 Mac 2014. Paras rizab ini mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 30 April 2014, kedudukan rizab berjumlah RM427.8 bilion (bersamaan dengan USD131.2 bilion), yang memadai untuk membiayai 9.4 bulan import tertangguh dan ialah 1.3 kali hutang luar negeri jangka pendek yang diberikan definisi semula (akhir bulan Disember 2013: 9.5 bulan import tertahan; 1.3 kali hutang luar negeri jangka pendek yang diberikan definisi semula).

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Defisit Kerajaan lebih rendah

Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal yang lebih kecil sebanyak 5.1% daripada KDNK pada suku pertama 2014. Ini disebabkan oleh

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	43.8	61.1	213.4	49.2
% *pertumbuhan tahunan*	*-8.6*	*6.8*	*2.6*	*12.4*
Perbelanjaan mengurus	49.9	58.8	211.3	55.2
% pertumbuhan tahunan	*9.4*	*-4.6*	*2.8*	*10.6*
Akaun semasa	**-6.1**	**2.3**	**2.1**	**-6.0**
% daripada KDNK	***-2.6***	***0.9***	***0.2***	***-2.3***
Perbelanjaan pembangunan bersih	8.8	16.0	40.7	7.0
% pertumbuhan tahunan	*8.3*	*-3.4*	*-8.2*	*-20.9*
Imbangan keseluruhan	**-14.9**	**-13.8**	**-38.6**	**-13.0**
% daripada KDNK	***-6.4***	***-5.2***	***-3.9***	***-5.1***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan bersih	58.7	74.8	252.0	62.2
% pertumbuhan tahunan	*9.3*	*-4.4*	*0.8*	*5.9*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	508.9	539.9	539.9	560.6
% daripada KDNK	*51.6*	*54.7*	*54.7*	*52.2*
Hutang dalam negeri	352.2	381.5	381.5	398.5
% daripada KDNK	*35.7*	*38.7*	*38.7*	*37.1*
Hutang luar negeri[1]	156.7	158.4	158.4	162.1
% daripada KDNK	*15.9*	*16.1*	*16.1*	*15.1*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin[2]	*140.5*	*141.7*	*141.7*	*145.7*
% daripada KDNK	*14.3*	*14.4*	*14.4*	*13.6*
Peminjaman luar pesisir	*16.2*	*16.8*	*16.8*	*16.5*
% daripada KDNK	*1.6*	*1.7*	*1.7*	*1.5*

[p] Awalan
[1] Merujuk kepada hutang luar negeri yang diberikan definisi semula (sila lihat Rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri')
[2] Merujuk kepada pemegangan hutang Kerajaan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin (Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Bil-bil Perbendaharaan dll) yang diklasifikasikan sebagai hutang dalam negeri di bawah definisi terdahulu

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

kutipan hasil yang lebih tinggi, terutamanya daripada cukai pendapatan individu dan hasil bukan cukai. Jumlah perbelanjaan meningkat sebanyak 5.9% pada asas tahunan, disumbangkan oleh perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi. Kebanyakan daripada kenaikan perbelanjaan di bawah perbelanjaan mengurus, adalah untuk pembayaran emolumen dan khidmat bayaran hutang. Perbelanjaan pembangunan adalah lebih rendah merentas semua sektor. Pada akhir bulan Mac 2014, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM560.6 bilion atau 52.2% daripada anggaran KDNK bagi tahun 2014.